



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **29 Dec2021 (Wednesday)**

### **Utusan Malaysia**

Projek tebatan banjir 'asal siap, asal ada'	1
Gembira sampah dibersihkan segera	2
Tauliah 32 aktivis politik ajar Islam ditarik balik	3
Ibarat 'putus nyawa' bila jambatan runtuh	4
Rayu baiki segera mendapan tanah	5

### **Harian Metro**

Tauliah mengajar agama aktivis ditarik	6
Jambatan Dengkil sudah 30 peratus dibaiki	7
Bencana terburuk 5 dekad	8
Jais buka 6 pusat kumpul naskhah al-Quran rosak	9
Kepala air punca banjir besar	10
Jais beri salinan percuma dokumen mangsa banjir	11

### **Kosmo**

Enam lokasi kumpul al-Quran, kitab agama rosak - JAIS	12
Boleh mohon bantuan bersih rumah	13
Tauliah 32 aktivis politik ditarik balik	14
'Jambatan runtuh, banyak urusan kami tergendala'	15

### **Sinar Harian**

Tauliah aktivis politik ajar agama ditarik	16
--	----

### **Sinar FM**

Selangor Tarik Balik Tauliah Mengajar Agama Aktivis Politik	17
---	----

### **The Star**

On nationwide high alert	18
Taking steps to safeguard environment in Selangor	19
Relieved to be returning home	20
Kajang on alert for more floods	21
Many involved in Shah Alam cleaning frenzy	22
Rain, rain won't go away	23

### **RTM2**

Water Surge Incident Caused Floods Hulu Langat	24
--	----

### **The Edge CEO Morning Brief**

Sultan of Selangor orders Islamic teaching credentials given to political activists be revoked	25
--	----

### **Traxx FM (90.3)**

Selangor Withdraws All Political Activists Credentials	26
--	----

### **China Press**

The flood victims in Selangor 33 temporary evacuation centers were reduced to 5143 people	27
MBSJ assisted Petaling Jaya to manage 5,070 flood victims in 22 evacuation centres	28
7 groups need to be tested for Covid-19 every week, which will increase the burden on nursing homes	29



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Sin Chew Daily**

Selangor prohibits politicians from teaching Islamic teachings to avoid abuse as a political tool 30

### **Nanyang Siang Pau**

Selangor Sultan prohibits political activists from preaching teachings to avoid abuse of Islamic propaganda 31

### **Guang Ming Daily**

MBSA should repair home electronics to reduce disaster victims' economic burdens 32  
Selangor forbids political figures from promoting Islam starting 1st of January 2022 33

### **Makkal Osai**

Dengkil bridge will be repaired at cost of RM800,000 34  
Water surge incident caused floods in Hulu Langat 35



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Projek tebatan banjir 'asal siap, asal ada'
Muka Surat	:	1

### Projek tebatan banjir 'asal siap, asal ada'

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**  
 fadhullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Beberapa projek tebatan banjir di Selangor dilihat dilaksanakan sekadar 'asal siap dan asal ada' menjadi antara punca banjir kilat sering berlaku di negeri itu.

Walhal, projek tebatan banjir penting bagi melencongkan lebih air hujan yang berterusan terutamanya di kawasan pesat membangun dan tepu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar Hidrogeomorfologi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Frankie Marcus Ata berkata, projek-projek tebatan yang tidak mengambil serius pengiraan asas yang sebenar mengakibatkan banjir kilat di kawasan membangun itu.

**Bersambung di muka 4**

### Projek tebatan bah 'asal siap, asal ada'

Dari muka 1

Menurut beliau, kesilapan-kesilapan teknikal terutama di peringkat perancangan bandar membolehkan projek tebatan boleh menyebabkan bencana banjir yang tidak berkesudahan.

"Jika ada pihak yang masih menyalahkan alam berikutan banjir kilat di Kajang misalnya, maka itu sudah silap kerana kepesatan pembangunan itu menyebabkan kawasan hijau digantikan dengan kawasan berturap atau kawasan tepu bina yang mana kawasan itu tidak telap air dari permukaan tanah.

"Jadi kurangnya resapan (air hujan) itu menyebabkan peningkatan kepada larian air di permukaan menyebabkan air terus mengalir kepada sistem saliran yang ada dan itu menjadikan kawasan pesat boleh dilanda banjir kilat.

"Walaupun projek-projek tebatan banjir itu ada, tetapi diam-bil mudah atau sambil lewa, maka ia boleh menyebabkan malapetaka (banjir) terus berlaku," kata beliau ketika dihubungi.

Kata Frankie, kerajaan Selangor perlu mengambil inisiatif membuat kolam takungan terutama di bandar-bandar besar lain untuk melencongkan air supaya tidak tertumpu kepada satu-satu kawasan apabila berlaku hujan lebat.

Selain itu, pensusarah itu memberitahu, Selangor boleh mencontohi Kuala Lumpur yang serius dalam mengatasi masalah banjir dengan membina projek tebatan air iaitu Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (Terowong SMART).

"Terowong SMART adalah kolam takungan air yang berfungsi untuk melencongkan air hujan yang berlebihan pada satu-satu ketika," katanya.

Banjir luar biasa di Selangor terutama di Hulu Langat dan Taman Sri Muda di Shah Alam pada 17 Disember lalu patut dijadikan iktibar apabila mengejutkan seluruh rakyat negara ini.

Malah hujan lebat lebih sejam petang kelmarin menyebabkan beberapa kawasan di Bandar Kajang termasuk Bandar Sungai Long dan Taman Lembah Mewah Kajang dilanda banjir kilat.

Kejadian dalam tempoh seminggu itu mencetuskan lagi kekusaran dan pertikaian orang ramai yang masih trauma dengan pengalaman kediaman dan harta benda rosak sekelip mata.



**Kerajaan Selangor perlu mengambil inisiatif membuat kolam takungan terutama di bandar-bandar besar."**

**DR. FRANKIE MARCUS ATA**

Mengulas lanjut, kata Frankie, sistem saliran terutama di bandar juga memainkan peranan penting dalam mengelakkan sesuatu kawasan itu dilanda banjir kilat.

Katanya, jika pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mengambil serius sistem saliran di setiap lokasi di bandar, perkara itu boleh menjadi punca kepada mudahnya kejadian banjir kilat itu berlaku.

"Perubahan struktur sungai turut mempengaruhi keadaan banjir kilat apabila sifat semula jadi sungai sudah berubah. Apa yang kita lihat di Kajang ialah perubahan pembangunan, tetapi dalam masa sama merubah bentuk sungai itu, yang bengkok diluruskan dengan berang-gapan air cepat turun.

"Namun hakikatnya itu satu keputusan yang salah kerana memberi kesan kepada kadar aliran air itu kerana keadaan sungai yang secara semula jadi berliku, jadi air itu mengambil masa untuk mengalir ke bahagian pertengahan dan seterusnya ke bahagian hilir dalam keadaan berliku," jelasnya.

Dalam pada itu, Pensusarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERD), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Prof. Madya Dr. Mohd Khairul Amri Kamarudin berkata, pihaknya tidak menolak penyelenggaraan sistem saliran yang lemah terutamanya melibatkan aspek penyelenggaraan pada sistem aliran sungai sebagai punca banjir.

"Contohnya, pembinaan projek tebatan banjir yang ada sebelum ini mungkin pada skala banjir 50 tahun (lepas). Namun dengan mengambil kira kesan keadaan perubahan iklim, penyelenggaraan sungai, aktiviti manusia di kawasan sekitar dan kelemahan lain menyebabkan kemampuan sungai untuk menampung air sudah berbeza berbanding sebelum ini.





**KERATAN AKHBAR**  
**29 December 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Gembira sampah dibersihkan segera
Muka Surat	:	4

## Gembira sampah dibersihkan segera

**SHAH ALAM:** Isu timbunan sampah yang dibangkitkan pasangan kembar Ahmad dan Muhammad Rosli, 23, mendapat reaksi positif Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Muhammad gembira dengan reaksi segera Amirudin dalam menyelesaikan masalah timbunan sampah banjir di Kampung Tengah, Puchong di sini.

“Saya dihubungi pegawai Menteri Besar malam tadi yang meminta maklumat lanjut, hari ini kerja pembersihan dilakukan.

“Bimbang juga ada penyakit sekiranya sampah dibiarkan begitu sahaja,” katanya.

Muhammad dan abangnya, Ahmad adalah pasangan kembar yang dilahirkan bercantum di bahagian dada sehingga pangkal paha sebelum dipisahkan pada September 2002.

Pembedahan selama 22 jam 45 minit di Hospital King Fahd National Guard di Riyadh, Arab Saudi ditaja Almarhum Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud.

Muhammad berkata, semasa banjir berlaku minggu lalu, rumahnya dinaiki air kira-kira pukul 9 malam menyebabkan mereka sekeluarga terpaksa berteduh di loteng bengkel keluarganya.

“Ayah (Rosli Abdul Rahim)

dukung saya dan abang ke atas, memang menakutkan kerana melalui arus deras selain angin kuat. Kira-kira pukul 4 pagi kami dibawa keluar menggunakan bot orang kampung,” katanya.

Banjir akibat hujan lebat luar biasa antara 17 hingga 19 Disember lalu, mengakibatkan banyak lokasi di negeri ini ditenggelami air dan memusnahkan banyak harta benda orang ramai.

Selepas banjir surut ribuan tan sampah pukal akibat banjir dikeluarkan oleh mangsa-mangsa banjir dari rumah mereka yang menyebabkan bau busuk dan menyesak jalan.



**MUHAMMAD Rosli (kanan) berkongsi gambar sampah yang bertimbun di tepi jalan berhampiran rumahnya di Kampung Tengah, Puchong selepas kawasan berkenaan dilanda banjir baru-baru ini.**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tauliah 32 aktivis politik ajar Islam ditarik balik
Muka Surat	:	29

### Tauliah 32 aktivis politik ajar Islam ditarik balik

**SHAH ALAM:** Tauliah mengajar agama Islam yang diberikan kepada 32 aktivis politik di Selangor ditarik balik berkuat kuasa 31 Disember ini.

Perkara itu diputuskan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah agar Islam tidak dipolitikkan dan menjadi bahan politik oleh mana-mana pihak terutama di masjid dan surau.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, Sultan Sharafuddin tidak berkenan tauliah mengajar itu diberikan kepada mana-mana aktivis politik bagi menjaga kesucian Islam.

Katanya, baginda bimbang ia boleh disalah guna untuk kepentingan parti politik yang membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam.

"Sultan Sharafuddin menitahkan agar tauliah mengajar agama Islam di Selangor yang diberikan kepada mana-mana aktivis politik ditarik balik berkuat kuasa 31 Disember ini.

"Selaras dengan titah itu, Jawatankuasa Tauliah MAIS akan menyemak semula semua tauliah yang sudah dikeluarkan kepada pemegang tauliah berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Difahamkan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengeluarkan Surat Penarikan Balik Tauliah Mengajar Agama Islam kepada 32 pemegang tauliah yang aktif atau berjawatan dalam parti politik pada 1 Disember lalu.

Kata Abdul Aziz, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio agama Islam bagaimanapun masih boleh menyampaikan pengajaran agama Islam.



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ibarat 'putus nyawa' bila jambatan runtuh
Muka Surat	:	30

# Ibarat 'putus nyawa' bila jambatan runtuh

**DENGKIL:** Ibarat putus nyawa. Itu luahan penduduk Kampung Orang Asli Sri Tanjung, Pasah Ismail, 37, berhubung masalah dihadapi komuniti tersebut di daerah Sepang terutama di sini, berhubung jambatan di pekan Dengkil yang runtuh sejak 17 Disember lalu.

Menurutnya, penutupan jambatan tersebut sebelum bencana banjir berlaku menyebabkan urusan penduduk tergendala terutama mendapatkan bekalan barangan keperluan dan menyelesaikan perkara penting di pekan.

"Untuk saya yang hari-hari perlu ke pekan, apabila tiada jambatan ini ia ibarat putus nyawa. Penduduk terpaksa melalui jalan jauh dan masuk ke laluan utama Kampung Dato' Ahmad Razali, Dengkil.

"Sudahlah sewaktu banjir dan laluan Kota Warisan ditutup, kami terkeping tak boleh nak keluar mencari sumber makanan. Sekarang banjir sudah surut, berdepan pula masalah jambatan runtuh di sini," katanya



**MOHAMMAD Yusni Othman (kiri) dan Mohd. Azman Md. Zamri menunjukkan jambatan pekan Dengkil menghubungkan laluan Banting-Dengkil, Selangor yang runtuh. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari meninjau ke lokasi jam-

batan runtuh tersebut.

Ibu kepada dua anak itu berkata, dia memikirkan anak-anak penduduk di kawasan

tersebut yang mahu ke sekolah kerana perlu melalui jalan jauh yang sering sesak dengan kenderaan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rayu baiki segera mendapan tanah
Muka Surat	:	31



**AIDI Ahmad Soriani (kiri), Norhalidah Mohammed Khalim (kanan) dan Muhammad Farid Aidi Ahmad (dua dari kanan) menunjukkan mendapan tanah tidak jauh dari rumah mereka akibat banjir serta arus deras di Kampung Sepakat Jaya, Kampung Lombong di Kuala Langat, Selangor.**

# Rayu baiki segera mendapan tanah

**Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
athir.ismail@mediamulla.com.my

**KUALA LANGAT:** Lima keluarga yang tinggal di Kampung Sepakat Jaya di Kampung Lombong di sini, memohon tindakan segera daripada pihak berkuasa untuk memperbaiki mendapan dan hakisan tanah yang dihadapi mereka sejak banjir, minggu lalu.

Mangsa banjir itu mendakwa masih tidak dapat pulang ke rumah masing-masing berikutan terdapat mendapan dan hakisan, diakibatkan oleh benteng lombong pecah ketika hari ketiga banjir pada Isnin, 20 Disember lalu.

Salah seorang penduduk, Muhammad Farid Aidi Ahmad, 29, berkata, pelbagai agensi kerajaan termasuk Pegawai Daerah Kuala Langat, Mohd. Jusni Hashim serta wakil daripada Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah melawat kawasan itu.

Jelasnya, lawatan pada Khamis lalu itu turut dihadiri wakil daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Orang Besar Daerah Kuala Langat, Datuk Mohamed Alhaj Tengku Harun bagi menilai tahap risiko penempatan di sana.

"Selepas lawatan tersebut, mereka terus memaklumkan rumah di sana tidak boleh diduduki sehingga keadaan tanah itu dibaiki, namun sehingga kini belum ada sebarang perkembangan serta tindakan pihak berkuasa dapat dilihat.

"Kami pula sudah menunggu lama sejak banjir minggu lalu dan ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) sedangkan mangsa lain sudah pulang ke rumah. Cuma kami yang terpaksa menumpang di rumah saudara terdekat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tinjauan di kampung berkenaan minggu lalu mendapati, berlaku mendapan dan hakisan tanah sedalam kira-kira tiga meter dan luas 50 meter akibat runtuh tanah berikutan arus banjir yang deras.

Jelas Muhammad Farid, mendapan tersebut terjadi Isnin lalu apabila berlaku hakisan tanah dekat bahagian tebing di lombong pasir lama itu yang menjadi tempat takungan air selepas tidak lagi beroperasi.

Dia yang juga mangsa banjir di situ menjelaskan, arus deras menghakis tanah selepas tebing yang memisahkan lombong lama dan baharu tidak jauh dari situ pecah menyebabkan takungan air melimpah masuk ke lombong baharu.

Sementara itu, bapanya, Aidi Ahmad Soriani, 54, yang merupakan penduduk dan pemilik empat buah rumah sewa di situ memberitahu, dia tidak membenarkan keluarga yang menyewa kembali ke rumah mereka kerana bimbang hakisan terus berlaku.

"Air banjir menjunam dari arah Kampung Lombong masuk ke dalam lubang tersebut sebelum mengalir ke dalam lombong dengan arus ketika itu sangat deras.

"Kurang lima meter jarak dari rumah sewa dengan kawasan mendapan, memang saya tak benarkan mereka pulang. Keadaan sangat bahaya kerana pada bila-bila masa runtuh boleh terus berlaku dan menjejaskan lima rumah yang terletak berdekatan," ujarnya.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tauliah mengajar agama aktivis ditarik
Muka Surat	:	3

## Tauliah mengajar agama aktivis ditarik

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan menarik balik tauliah mengajar agama diberikan kepada aktivis politik berkuat kuasa 31 Disember ini.

Pengerusi Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, tindakan itu susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya agama Islam tidak dipolitikkan serta dijadikan sebagai bahan politik oleh mana-mana pihak di Selangor khususnya di masjid dan surau.

Katanya, Sultan Selangor tidak perkenan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik kerana dikhawatiri ia boleh disalahgunakan untuk kepentingan mana-mana parti politik yang akhirnya akan membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam di Selangor serta mencemarkan agama Islam.

"Selaras titah baginda itu, Jawatankuasa Tauliah Mais akan menyemak semula semua tauliah mengajar agama Islam yang dikeluarkan kepada pemegang tauliah di negeri ini.

"Mana-mana tauliah yang sudah diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa pada 31 Disember ini," katanya semalam.

Beliau berkata, hanya ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang memegang portfolio agama Islam masih boleh menyampaikan pengajaran agama Islam dengan syarat ia tidak menyentuh hal berkaitan



*Mana-mana tauliah yang sudah diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa pada 31 Disember ini"*

**Abdul Aziz**

politik dalam perkara yang disampaikan.

Katanya, pengecualian ini juga adalah selaras dengan titah Sultan Sharafuddin.

"Adalah diingatkan mengajar agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 119 Enakmen yang sama.

"Sabit kesalahan, boleh dihukum denda RM3,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau meningkari atau mempertikaikan titah Sultan Selangor atas sifat baginda sebagai Ketua Agama Islam berhubung dengan penarikan balik tauliah mengajar agama Islam bagi mana-mana aktivis politik juga adalah suatu kesalahan di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jambatan Dengkil sudah 30 peratus dibaiki
Muka Surat	:	5



AMIRUDIN (tiga dari kiri) meninjau kerja-kerja membaik pulih jambatan Dengkil di Sungai Langat yang runtuh akibat hakisan air sungai.

## ***Jambatan Dengkil sudah 30 peratus dibaiki***

**Dengkil:** Kerja pembaikan jambatan Dengkil, Sungai Langat di sini, yang runtuh akibat hakisan sungai dijangka siap dan dibuka kepada orang ramai penghujung Januari tahun hadapan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerja pembaikan sudah berjalan 30 peratus dan ketika ini dalam proses menanam cerucuk besi.

Menurutnya, kos pembaikan jambatan dianggarkan RM800,000 termasuk kerja menambak dan mengadakan tebatan banjir di bawah jambatan berkenaan.



**Banjir besar berlaku di kawasan ini berpunca daripada ban pecah di Sungai Langat dan air melimpah ke kediaman penduduk”**

**Amirudin**

Katanya, projek tebatan banjir Sungai Langat di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dimulakan di kawasan ini sejak Julai lalu dan dijangka siap Julai 2023. “Projek ini menjadi antara

usaha kerajaan negeri menangani banjir di kawasan ini. Namun tertangguh disebabkan banjir,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Kampung Chemperai dan Jambatan Dengkil di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Dengkil, Adhif Syan Abdullah dan Pegawai Daerah Sepang, Khairi Azali Ibrahim.

Pada 17 Disember lalu sebahagian daripada jambatan itu dari arah pekan Dengkil ke Jenderam runtuh disebabkan hakisan.

Susulan itu jambatan sepanjang 54 meter ditutup kepada semua kenderaan.

Amirudin berkata, banjir besar berlaku di kawasan ini berpunca daripada ban pecah di Sungai Langat dan air melimpah ke kediaman penduduk.

Menurutnya, jangkaan membina ban ini adalah sangat panjang dan ketika ini kerja-kerja membaik pulih ban sementara di Kampung Chemperai sedang berjalan.

Menurutnya, kos pembaikan dijangka menelan belanja RM500,000 hingga RM2.8 juta bergantung kepada jarak pembaikan.





## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bencana terburuk 5 dekad
Muka Surat	:	7

# Bencana terburuk 5 dekad

**Seremban:** Bencana banjir yang melanda lapan negeri termasuk Negeri Sembilan pada minggu lalu disifatkan oleh banyak pihak sebagai antara yang terburuk di negara ini dalam tempoh 50 tahun.

Musibah yang datang ketika rakyat masih lagi diancam jangkitan Covid-19, menambahkan beban mangsa khususnya dari segi ekonomi.

Di negeri ini, Jelevu yang merupakan daerah paling subur dan terkenal dengan durian Jelevu, antara yang paling teruk terjejas dalam bencana itu membabitkan 11 kawasan dengan puluhan kampung susulan hujan lebat selama lebih lima jam sejak 6 petang pada 18 Disember.

Penduduk di kampung yang terkesan, antaranya Kampung Chennah, Kampung Puom dan Kampung Pah, iaitu kawasan paling teruk terjejas.

Mangsa langsung tidak menyangka kejadian hujan lebat luar biasa itu akan

memberi kesan yang amat besar kepada mereka.

Kebanyakan mangsa reda dengan ujian menimpa mereka namun mengakui masih terkejut apabila melihat begitu banyak kerosakan ditinggalkan oleh bencana termasuk kehilangan tempat tinggal.

Kerugian dari segi ternakan dan tanaman juga tidak terkira, sementara beberapa lokasi tumpuan pelancong turut musnah.

Sekalipun begitu, warga Jelevu bersyukur kerana tiada yang kehilangan ahli keluarga dalam bencana tersebut yang menyaksikan paras banjir setinggi lebih dua meter.

Dari segi geografi, Jelevu terletak di penghujung Banjaran Titiwangsa dengan bentuk muka bumi berbukit-bukau. Justeru, daerah yang bersempadan dengan Selangor dan Pahang serta diapit oleh daerah Seremban, Kuala Pilah dan Jempol itu agak terlindung daripada hujan.

Malah, daerah itu adalah

kawasan paling kering di Negeri Sembilan.

Namun pada 18 Disember lalu, lima stesen hujan di daerah itu merekodkan taburan hujan yang luar biasa iaitu melebihi 100 mm, sedangkan pada hari sebelumnya, lima stesen terbabit - Ulu Klawang, Chenor, Ladang Pertang, Ladang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Jelevu serta Chennah - mencatatkan paras normal bawah 60 mm.

Pada hari kejadian, stesen Ulu Klawang mencatatkan jumlah taburan hujan tertinggi 199 mm dalam tempoh lima jam, bersamaan taburan hujan untuk sebulan, sementara stesen hujan lain merekodkan antara 77 mm dan 180 mm.

Menurut Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun, hujan lebat berterusan menyebabkan banjir kilat yang teruk di beberapa kawasan rendah dan berisiko banjir di lembangan Sungai Triang.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **29 December 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jais buka 6 pusat kumpul naskhah al-Quran rosak
Muka Surat	:	7

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) membuka enam pusat pengumpulan naskhah al-Quran serta buku agama yang musnah akibat banjir besar di Selangor.

Pengarah Jais, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, penetapan dilakukan selaras dengan tanggungjawab jabatan berkenaan untuk menjaga kesucian ayat al-Quran.

"Banjir besar mengakibatkan kemusnahan serta kerosakan harta benda termasuk naskhah al-Quran dan buku-buku agama di masjid, surau, sekolah dan rumah

# ***Jais buka 6 pusat kumpul naskhah al-Quran rosak***

persendirian.

"Justeru, Jais mengambil keputusan membuka enam pusat pengumpulan di enam daerah yang terjejas banjir iaitu Tanah Perkuburan Islam Sungai Serai bagi daerah Hulu Langat, Tanah Perkuburan Islam Johan Setia (Klang), Masjid Al-Madaniyah USJ 18, Subang Jaya (Petaling), Masjid As-Solihin Kancong Darat (Kuala La-

ngat), Kompleks Islam Daerah Kuala Selangor (Kuala Selangor), dan Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya (Sepang).

"Semua pihak khususnya umat Islam dinasihati supaya menghantar naskhah al-Quran dan buku agama yang rosak ke masjid-masjid kariah berdekatan sehingga 30 Disember ini (Khamis)," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kepala air punca banjir besar
Muka Surat	:	7

# Kepala air punca banjir besar

*MB Selangor tidak terima maklumat projek EKVE didakwa penyumbang bah di Hulu Langat*

Oleh Norzamira Che Noh  
 am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**K**epala air yang turun dari kawasan pergunungan sekitar dikenali pasti sebagai punca banjir besar di Hulu Langat pada 18 Disember lalu.

Menteri Besar Selangor,

Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kepala air itu membawa longkongan sampah dan kayu-kayuan sehingga ke Batu 14, Sungai Lui dan kawasan sekitarnya.

Beliau memaklumkan tidak menerima maklumat bahawa pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) menjadi punca banjir di kawasan Hulu Langat.

"Saya tidak dimaklumkan mengenai perkara itu (EKVE punca banjir) dan akan merujuk Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebab dikatakan beliau ada menyebut perkara itu.

"Daripada taklimat awal, ia memang berpunca daripada kepala air dari kawasan pergunungan sekitar," katanya semalam.

Mengulas lanjut, Amirudin memaklumkan beliau tidak mengetahui maklumat mengenai lebuhraya berkenaan bagaimanapun di Kuala Selangor terdapat satu projek lebuhraya yang mana tiangnya didapati memotong satu ban di Kampung Asahan.

"Saya sendiri datang (ke Kuala Selangor) dan dapati projek lebuhraya itu sudah memotong satu ban seterusnya menyebabkan air melimpah ke kampung berkenaan.

"Bagaimanapun, sejak semalam banyak air sudah berjaya dikeluarkan dan insya-Allah kita akan lihat banjir surut ketara di Kuala Selangor," katanya.

Ismail Sabri sebelum ini memaklumkan, pembinaan EKVE di Hulu Langat dipercayai antara faktor menyumbang kepada kejadian banjir besar di sekitar Taman Sri Nanding, Hulu Langat.

Beliau dilaporkan berkata, pemantauannya di kawasan perumahan itu mendapati projek pembinaan EKVE menyebabkan longkang tertutup, sekali gus mengganggu sistem saliran di kawasan itu.

Sementara itu, Amirudin

berkata, kerajaan negeri memerlukan RM369.5 juta bagi melaksanakan projek baik pulih susulan banjir yang melanda negeri ini.

Katanya, jumlah berkenaan diperlukan bagi membaiki jalan raya, bangunan dan peralatan kemudahan awam.

"Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor memerlukan peruntukan segera sebanyak RM142.3 juta.

"Manakala untuk membaiki jalan raya, kos membaiki jalan persekutuan berjumlah RM38 juta manakala jalan negeri pula RM63 juta," katanya.



PEKERJA giat menjalankan operasi pembersihan sampah pakai mangsa banjir di Padang Jawa, Seksyen 16, Shah Alam, semalam. Gambar NSTP/FAZ ANUAR

**"Ia memang berpunca daripada kepala air dari kawasan pergunungan sekitar"**  
 Amirudin





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jais beri salinan percuma dokumen mangsa banjir
Muka Surat	:	21

# Jais beri salinan percuma dokumen mangsa banjir

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) tidak akan mengenakan sebarang bayaran bagi permohonan mendapatkan semula salinan dokumen perkahwinan, penceraian serta rujuk yang terjejas akibat banjir.

Pengarah Jais Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, Jais amat prihatin dan mengambil berat kemaslahatan orang awam yang terjejas akibat banjir di kebanyakan daerah di Selangor.

“Jais menjangkakan bencana alam ini turut menyebabkan kemusnahan, kerosakan atau kehilangan dokumen-dokumen rasmi penting berkaitan perkahwinan, penceraian dan rujuk yang dikeluarkan oleh Jais.

“Sehubungan itu, mangsa

banjir yang kehilangan dokumen Kebenaran Berkahwin yang dikeluarkan mengikut Seksyen 17 Enakmen Undang-Undang Keluarga (Negeri Selangor) 2003, Surat Perakuan Nikah di bawah subseksyen 26(1), Surat Perakuan Cerai di bawah subseksyen 55(5) atau Surat Perakuan Rujuk di bawah subseksyen 52(3) enakmen sama, boleh membuat permohonan mendapatkan semula salinan dokumen itu tanpa dikenakan sebarang bayaran,” katanya.

Mohd Shahzihan berkata, individu terbabit boleh berurusan dengan Pejabat Agama Islam Daerah yang mempunyai bidang kuasa mengeluarkan dokumen itu mulai hari ini sehingga 31 Januari 2022.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Enam lokasi kumpul al-Quran, kitab agama rosak - JAIS
Muka Surat	:	5

## Enam lokasi kumpul al-Quran, kitab agama rosak – JAIS

**SHAH ALAM** – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menetapkan enam lokasi sebagai pusat pengumpulan al-Quran dan buku agama yang musnah akibat banjir di negeri ini.

Lokasi itu melibatkan Tanah Perkuburan Islam Sungai Serai bagi daerah Hulu Langat, Tanah Perkuburan Islam Johan Setia (Klang) dan Masjid Al-Madaniyah USJ 18, Subang Jaya (Petaling).

Selain itu, Masjid As-Solihin

Kancong Darat (Kuala Langat), Kompleks Islam Daerah Kuala Selangor (Kuala Selangor) dan Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya (Sepang).

Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, bencana banjir mengakibatkan kemusnahan dan kerosakan harta benda termasuk al-Quran dan kitab agama di masjid, surau, sekolah serta rumah.

"Semua pihak terutama di

lokasi terjejas boleh menghantar naskhah berkenaan ke masjid kariah berdekatan.

"Al-Quran dan kitab agama yang rosak itu boleh dihantar sehingga Khamis ini sebelum dikumpulkan di enam lokasi yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, pihak masjid perlu memastikan naskhah yang dihantar itu ditempatkan di ruang yang sesuai, selamat dan bersih.

"Selain itu, ia perlu jauh dari laluan manusia atau haiwan bagi mengelak dilangkah dan dipijak serta diletakkan di kedudukan tinggi dari paras biasa persekitaran.

"Bagi tempat penyimpanan tidak berbumbung, pihak masjid perlu menutup bahan tersebut menggunakan plastik atau kanvas bagi mengelak basah akibat hujan," katanya.

Tambahnya, pihak JAIS akan

bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi menguruskan pengangkutan kesemua naskhah itu.

"Ia meliputi proses dari semua masjid kariah sehingga ke enam pusat pengumpulan al-Quran berkenaan.

"Semuanya akan dilakukan secepat mungkin sebelum proses pelupusan dilaksanakan," kata beliau.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **29 December 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Boleh mohon bantuan bersih rumah
Muka Surat	:	7

# Boleh mohon bantuan bersih rumah

**PETALING JAYA** – Mangsa banjir yang memerlukan bantuan sukarelawan untuk membersihkan rumah boleh membuat permohonan melalui laman web *www.teguhbersama.com*.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, mereka yang ingin menyumbang juga boleh menggunakan platform yang sama.

“Mangsa banjir boleh permohonan bantuan menguruskan rumah atau mengutip sisa sampah kesan banjir.

“Terima kasih kepada semua termasuk syarikat swasta dan kumpulan sukarelawan yang datang dari seluruh negara untuk membantu mangsa banjir di Selangor,” katanya semalam.

Tabung Ikhtiar Selangor Bangkit merekodkan sejumlah RM2.23 juta hasil sumbangan individu, syarikat serta kerajaan Kedah dan Kelantan. Mereka yang ingin menyumbang boleh menerusi akaun Bank CIMB 8604-747-531 (Bendahari Negeri Selangor, Rujukan: Tabung Ikhtiar).



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tauliah 32 aktivis politik ditarik balik
Muka Surat	:	14

## Tauliah 32 aktivis politik ditarik balik

**SHAH ALAM** – Tauliah mengajar agama Islam yang diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa Jumaat ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, penarikan tauliah itu susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah agar agama Islam tidak dipolitikkan dan dijadikan sebagai bahan politik oleh mana-mana pihak di Selangor khususnya di masjid dan surau.

Katanya, Sultan Sharafuddin tidak berkenan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik kerana dikhuatiri boleh disalahgunakan untuk kepentingan parti politik.

Ini akhirnya akan membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam di Selangor serta mencemarkan agama Islam.

“Selaras titah baginda itu, Jawatankuasa Tauliah MAIS akan menyemak semula semua tauliah mengajar agama Islam yang telah dikeluarkan kepada pemegang tauliah di Selangor.

“Mana-mana tauliah yang telah diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa pada 31 Disember ini,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Difahamkan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 1 Disember lalu telah mengeluarkan Surat Penarikan Balik Tauliah Mengajar Agama Islam kepada 32 orang pemegang tauliah yang aktif atau menjawab jawatan dalam parti politik.

Abdul Aziz, bagaimanapun berkata, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang memegang portfolio agama Islam masih boleh menyampaikan pengajaran agama Islam dengan syarat tidak menyentuh hal berkaitan politik dalam perkara yang disampaikan.



**ABDUL AZIZ**



“Mana-mana tauliah yang telah diberikan kepada aktivis politik akan ditarik balik berkuat kuasa pada 31 Disember ini.”

Tegasnya, pengecualian ini juga adalah selaras dengan titah Sultan Sharafuddin.

“Adalah diingatkan mengajar agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 119 Enakmen yang sama.

“Sabit kesalahan, boleh dihukum denda RM3,000 atau penjara dua tahun atau keduanya sekali,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, mana-mana orang yang mengingkari atau mempertikaikan titah Sultan Selangor berhubung dengan penarikan balik tauliah mengajar agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan di bawah perenggan 12(a) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995).

“Kesalahan itu turut memperuntukkan hukuman sama iaitu denda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau keduanya,” katanya.





<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Jambatan runtuh, banyak urusan kami tergendala'
Muka Surat	:	16



**MOHD. AZMAN menunjukkan Jambatan Pekan Dengkil yang menghubungkan laluan Banting-Dengkil runtuh semalam.**

## 'Jambatan runtuh, banyak urusan kami tergendala'

**DENGKIL** – Ibarat putus nyawa! Itu luahan penduduk Kampung Orang Asli Sri Tanjung, Pasah Ismail, 37, berhubung masalah dihadapi komuniti di daerah Sepang ekoran jambatan di pekan Dengkil runtuh sejak 17 Disember lalu.

Menurutnya, akibat runtuhan itu urusan penduduk tergendala terutama untuk membeli barangan termasuk menyelesaikan perkara penting di pekan.

"Untuk saya yang hari-hari perlu ke pekan, apabila tiada jambatan ini, ia ibarat putus nyawa. Penduduk terpaksa melalui jalan jauh dan masuk ke laluan utama Kampung Dato' Ahmad Razali, Dengkil.

"Apabila banjir berlaku dan laluan Kota Warisan ditutup, kami terkepung tidak boleh keluar mencari sumber makanan. Sekarang banjir sudah surut, masalah jambatan runtuh masih membelenggu kami di sini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari meninjau jambatan yang runtuh di pekan Dengkil itu.

Ibu kepada dua anak itu berharap jambatan berkenaan dapat dibaiki segera kerana pelajar akan memulakan sesi persekolahan bulan depan.

Katanya, adalah sukar apa-

bila pelajar perlu melalui jalan jauh yang sesak untuk ke sekolah.

"Kami berharap proses membaik pulih jambatan ini dapat berjalan lancar supaya siap segera untuk kegunaan dan kemudahan penduduk di sekitar sini kerana ini salah satu 'nyawa' penduduk," katanya.

Pembantu kedai, Mohd. Azman Md. Zamri, 46, yang juga penduduk Kampung Sri Tanjung, Dengkil berkata, dia terpaksa melalui jalan sejauh kira-kira 15 kilometer untuk ke pekan.

"Jambatan ini laluan utama penduduk bukan sahaja ke pekan Dengkil, malah ke daerah Kuala Langat," ujarnya.

Sementara itu, Amirudin berkata, terdapat hakisan tanah di Sungai Langat sehingga menyebabkan jambatan berkenaan runtuh.

Katanya, kerja-kerja pembai-kan sedang dijalankan termasuk pemasangan cerucuk selain beberapa urusan pencegahan banjir.

"Kita sedang memperbaiki hakisan tersebut dan menjangkakan tarikh paling awal adalah pada 20 Januari untuk jambatan ini siap kerja-kerja pembai-kan dan akan dibuka semula dua atau tiga hari selepas itu iaitu setelah mendapat taraf selamat," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tauliah aktivis politik ajar agama ditarik
Muka Surat	:	23

# Tauliah aktivis politik ajar agama ditarik

Sultan Selangor titah agar agama Islam tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak di masjid dan surau

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH



**S**ultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan tauliah mengajar agama Islam di Selangor yang diberikan kepada mana-mana aktivis politik ditarik balik berkuat kuasa 31 Disember ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, selaras dengan titah Sultan Sharafuddin itu, Jawatankuasa Tauliah MAIS akan menyemak semula semua tauliah mengajar agama Islam yang telah dikeluarkan kepada pemegang tauliah dan mana-mana tauliah yang telah diberikan kepada aktivis politik di negeri itu

untuk ditarik balik.

Bagaimanapun, katanya, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Selangor yang memegang portfolio agama Islam masih boleh menyampaikan pengajaran agama Islam dengan syarat ia tidak menyentuh hal berkaitan politik dalam perkara yang disampaikan.

"Sultan Selangor menitahkan agar agama Islam tidak dipolitikkan dan dijadikan sebagai bahan politik oleh mana-mana pihak di negeri ini khususnya di masjid dan surau.

"Bagi menjaga kesucian agama Islam di negeri Selangor, baginda tidak berkenan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik kerana dikhawatiri ia boleh disalahgunakan untuk kepentingan mana-mana parti politik yang akhirnya akan

membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam serta mencemarkan agama Islam di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Abdul Aziz menegaskan, mengajar agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (negeri Selangor) 2003 adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 119 Enakmen sama.

"Jika sabit kesalahan boleh dihukum dengan denda RM3,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Selain itu, mana-mana orang yang bertindak dengan cara menghina kuasa yang sah atau mengingkari atau mempertikaikan titah Sultan Selangor atas sifat baginda sebagai Ketua Agama Islam berhubung dengan penarikan balik tauliah mengajar agama Islam bagi mana-mana aktivis politik juga adalah merupakan suatu kesalahan di bawah perenggan 12(a) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

"Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya," tegasnya.

**Sultan Selangor menitahkan agar agama Islam tidak dipolitikkan dan dijadikan sebagai bahan politik oleh mana-mana pihak di negeri ini khususnya di masjid dan surau."**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**28 December 2021**

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Selangor Tarik Balik Tauliah Mengajar Agama Aktivistik Politik
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	On nationwide high alert
Muka Surat	:	2

**Five sites with soil erosion along Jalan Kuching near Puncak Templer in Selangor**

# Too close for comfort

After the devastation caused by the recent floods, the authorities are on high alert with heavy rain expected to lash down till the end of the year. The Public Works Department is monitoring landslide-prone areas nationwide and taking preventive steps. > See page 2 for reports by FATIMAH ZAINAL and IVAN LOH

An aerial view of a rural landslide along Jalan Kuching, Selangor. — IZZAFIQ ALIAS/The Star

## On nationwide high alert

Steps taken to stabilise high-risk areas and issue warnings

By FATIMAH ZAINAL  
 fatimah@thestar.com.my

